

GAMBAR menunjukkan aktiviti mengorek pasir menyebabkan hakisan serta merosakkan kualiti air Sungai Pajam, Kampung Gebok, Nilai.



Terhakis

Kerja korek pasir
di Sungai Pajam
jejas kualiti
air, hakis
tanah penduduk

Oleh Ifwan Tun Tuah
ifwan@bharian.com.my

NILAI: Kegiatan mengorek pasir di Sungai Pajam di Kampung Gebok di sini sejak kira-kira dua bulan lalu, menyebabkan kualiti air terjejas dan tanah milik penduduk kampung mengalami hakisan.

LIHAT MUKA 2



Kegiatan dipercayai tak patuhi garis panduan JPS

Tinjauan *Sentral* mendapati, masalah itu berlaku kerana aktiviti di tapak berkenaan dipercayai tidak mematuhi beberapa garis panduan penting dikeluarkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk pemberian permit pengambilan pasir sungai.

Malah, pihak berkuasa negeri ini seakan-akan tidak mepedulikan hasil laporan Ketua Audit Negara 2009 berhubung kelemahan 'Pengurusan Aktiviti Perlombongan dan Pengambilan Pasir Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar' yang dikeluarkan Oktober tahun lalu.

Seorang penduduk, Kamarulzaman Abu Bakar, 50, mendakwa pihaknya hairan bagaimana pengusaha terbabit dibenarkan beroperasi

sejak lebih sebulan lalu kerana mengikut garis panduan JPS, aktiviti berkenaan tidak dibenarkan di sungai yang kelebarannya kurang 10 meter.

"Selain itu, pengusaha juga gagal memastikan hakisan tidak berlaku kerana tebing sungai di kawasan berkenaan (lokasi dikorek) serta di kampung yang terletak di kawasan lebih tinggi mula runtuh sedikit demi sedikit.

"Kesalahan lebih nyata (mengikut garis panduan JPS) adalah pengusaha meletakkan timbunan pasir betul-betul di tepi tebing sungai itu dan di situlah ia dicuci dan diangkut menggunakan lori manakala air cucian pula disalurkan

semula ke sungai.

"Sedangkan mengikut peraturan, pasir perlu diletakkan sekurang-kurangnya 10 meter dari tebing sebagai 'stockpile' sementara, sebelum dibawa untuk dicuci dan dihindungkan di 'stockpile' utama yang sepatutnya terletak 20 meter dari tebing sungai," katanya.

Beliau berkata, Jawatan kuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) berkenaan sudah menghantar aduan kepada pejabat Menteri Besar, Pejabat Tanah dan Galian (PTG) serta JPS negeri namun tiada tindakan berkesan diambil.

Berhubung laporan Ketua Audit Negara 2009, kelemahan yang dikesan ketika

pengauditan pada September 2009 hingga Disember 2009 antaranya membabitkan kelemahan pemantauan pihak berkuasa terhadap arahan supaya kontraktor menyediakan tiga kolam enapan bersiri untuk mengawal kelodak cucian pasir memasuki sungai.

Bagaimanapun, ketika tinjauan ini dibuat, kontraktor di kawasan berkenaan tidak menyediakan kolam enapan sedemikian dan sehingga kini tiada pula tindakan dikenakan terhadap mereka menyebabkan penduduk menganggap pihak berkuasa tidak berusaha memperbaiki keadaan.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Mohd Zawawi

Abd Rashid, 54, mendakwa kontraktor menceroboh sebahagian tanahnya tanpa kebenaran untuk melakukan aktiviti itu.

"Saya berjumpa seorang kakitangan syarikat itu dan menunjukkan geran tanah, namun dia mendakwa tanah berkenaan milik kerajaan dan syarikatnya mempunyai permit mengorek pasir di kawasan berkenaan," katanya yang kemudian membuat laporan polis.

Beliau berkata, aktiviti berkenaan membimbangkan penduduk kampung kerana arus sungai akan menjadi lebih kuat ketika musim hujan tidak lama lagi dan akan menyebabkan tebing sungai di kawasan

kampung runtuh.

Sementara itu, Pengarah JPS negeri, Hashim Osman, berkata kontraktor terbabit diberi permit menjalankan kerja mengorek pasir, namun pihaknya tidak mengetahui pelanggaran garis panduan berkenaan.

"Kita akan menyiasat dakwaan ini secepat mungkin dan akan menghantar laporan kepada PTG untuk tindakan lanjut," katanya.

Mengulas mengenai syarat kelebaran sungai untuk aktiviti itu, Hashim berkata, pihaknya memberi kelonggaran dalam kes tertentu termasuk jika kawasan berkenaan sering dilanda banjir dan memerlukan kerja pendalaman sungai.